

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 1/1993**

**A) PEWARTAAN KAWASAN LAPANG DAN KEMUDAHAN AWAM
SEBAGAI SIMPANAN KERAJAAN**

**B) PENOLAKAN TERUS PERMOHONAN-PERMOHONAN TANAH DI
KAWASAN LAPANG DAN KEMUDAHAN AWAM**

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di dalam sidangya Bil. 35/92 pada 21hb. Oktober, 1992 telah membuat keputusan mengenai perkara di atas seperti berikut:

2. Kawasan-Kawasan Lapang

2.1. YAB. Menteri Besar membangkitkan masalah kawasan-kawasan lapang dan kemudahan awam yang terdapat di Negeri Selangor kebanyakannya tidak diambil tindakan mewartakan.

2.2. Majlis Mesyuarat Kerajaan memutuskan Pengarah Tanah dan Galian adalah diminta mengambil tindakan segera mewartakan kawasan-kawasan lapang ini.

Perkara yang sama telah dibincangkan lagi oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan di dalam sidangya Bil. 36/92 pada 4hb November 1992, yang seterusnya membuat keputusan seperti berikut:

4. Kawasan-kawasan Lapang

4.1 YAB. Menteri Besar membangkitkan masalah permohonan yang dibuat bagi tanah-tanah di kawasan lapang jika boleh diambil tindakan segera mewartakan dan jika ada permohonan di kawasan ini tidak perlu diproses dan bolehlah terus ditolak sahaja tanpa diangkat untuk keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

2. Oleh yang demikian, Pentadbir-Pentadbir Tanah dan Daerah adalah diminta mengambil tindakan melaksanakan keputusan-keputusan tersebut. Untuk urusan pewartaan sebagai simpanan Kerajaan garis panduan berikut hendaklah diambil kira:

- 2.1 Kawasan tanah lapang dan tapak kemudahan awam itu hendaklah terletak di dalam kawasan yang telah ada kelulusan sebagai sebuah skim perumahan atau perindustrian atau campuran kedua-keduanya serta pelan tataaturnya telah diluluskan oleh pihak berkuasa perancangan.
 - 2.2 Bahawa kawasan berkenaan terletak didalam sesebuah penguasa tempatan, sama ada Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah.
 - 2.3 Bahawa kawasan berkenaan bertaraf tanah Kerajaan, sama ada yang dari asalnya memang tanah Kerajaan atau tanah milik yang telah diserahkan balik (surrendered) bagi mematuhi syarat tukar syarat/ pecah sempadan.
3. Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah hendaklah membuat perakuan di dalam bentuk kertas ringkasan untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan. Sila pastikan bahawa kehendak Seksyen 62(2)(a),(b),(c) dan (d) Kanun Tanah Negara adalah diikuti. Pegawai Pengawal bagi tanah-tanah yang akan diwartakan sebagai simpanan itu adalah Pegawai Daerah, sama ada bagi kawasan Majlis Daerah ataupun kawasan Majlis Perbandaran. Keterangan bagi setiap tanah yang diperakukan hendaklah mengandungi pelan yang sesuai, kedudukan yang jelas dan keluasan yang secepat mungkin.
4. Kawasan lapang disini adalah termasuk sama kawasan pemisah, (buffer zone) dan kawasan hijau (green lung). Sekiranya pada waktu ini atau sesudahnya urusan pewartaan ini disempurnakan ada terdapat permohonan bagi pemberimilikan di kawasan berkenaan, maka Pentadbir Tanah Daerah hendaklah menolak terus permohonan tersebut tanpa diproses dengan lebih lanjut lagi.

Sekian.

T.T

(HAJI IDRIS BIN DENAN)

Pengarah Tanah dan Galian

Selangor Darul Ehsan.

Shah Alam.

Bertarikh: 23hb Februari, 1993

Bil. (82A)dlm. PTG. Sel. 32 PT.2 (Semt)